

PINDAAN TERMA DAN SYARAT DOKUMEN PEMBIAYAAN HARTANAH-i MBSB BANK

Para Pelanggan Yang Dihormati,

Kami, MBSB Bank Berhad ("MBSB Bank"), telah meminda terma dan syarat pada Pembiayaan Hartanah-i (Dokumen Pembiayaan Hartanah-i) bagi memastikan ianya adil dan mudah difahami oleh pelanggan kami.

Perubahan ini berkuatkuasa pada **1 September 2019**.

Terma dan syarat bagi Pembiayaan Hartanah-i telah dipinda selaras dengan prinsip layanan adil terhadap pelanggan kami. Antara pindaan utama adalah seperti berikut:

Klausa	Pindaan
Hak Budi Bicara MBSB Bank	MBSB Bank tidak lagi mempunyai budi bicara mutlak dan/atau hak untuk membuat keputusan tertentu.
Variasi Terma dan Syarat	MBSB Bank akan memaklumkan kepada pelanggan sebarang perubahan pada terma dan syarat Pembiayaan selewat-lewatnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa.
Kajian semula Kemudahan Pembiayaan Hartanah-i	MBSB Bank boleh mengkaji semula terma dan syarat Pembiayaan Hartanah-i dari semasa ke semasa. MBSB Bank akan memaklumkan kepada pelanggan selewat-lewatnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa sebarang perubahan atau pembatalan kemudahan.
Kos yang dibelanjakan oleh MBSB Bank	MBSB Bank tidak boleh menuntut kos yang dibelanjakan untuk melawat, memeriksa atau membuat laporan ke atas hartanah daripada pelanggan.
Penilaian Hartanah	Kos dan perbelanjaan untuk penilaian hartanah hanya akan ditanggung oleh pelanggan sekiranya:- <ol style="list-style-type: none"> 1. pelanggan mempunyai tunggakan bayaran; atau 2. berlakunya peristiwa di mana MBSB Bank berpendapat secara munasabah bahawa nilai hartanah dan nilai sekuriti yang dicagarkan kepada MBSB Bank akan menyusut.
Pendedahan Maklumat Kepada Pihak Ketiga	Pelanggan boleh pada bila-bila masa, menarik balik kebenaran untuk mendedahkan maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan MBSB Bank.
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010	MBSB Bank akan mendapat kebenaran pelanggan untuk memberi maklumat kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan MBSB Bank.

Dalam memastikan layanan adil terhadap semua pelanggan, kami ingin memaklumkan kepada semua pelanggan mengenai pindaan di atas. Oleh itu, MBSB Bank tidak akan menguatkuasakan sebarang terma dan syarat yang tidak adil di dalam Dokumen Pembiayaan Hartanah-i.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila kunjungi cawangan MBSB Bank yang berhampiran atau hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2096 3000 antara jam 9.00 pagi sehingga 6.00 petang pada hari bekerja (kecuali Cuti Umum) atau e-mel di enquiry@mbsbbank.com

Terima kasih.

Jika terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan di antara teks Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka teks Bahasa Inggeris akan diterima pakai.